

# RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Bil Terima-i Jualan (AB-i Jualan) anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

## 1 APAKAH ITU BIL TERIMA-i JUALAN (AB-i JUALAN)

**Bil Terima-i Jualan (AB-i Jualan)** ialah satu konsep di mana pengeksport/pejual (pengeluar) mengeluarkan AB-i Jualan dan ianya diterima oleh pihak Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB"). Pelanggan menjual barangan secara kredit. Pihak BMMB akan menyediakan pembiayaan untuk membeli hutang pada harga yang dipersetujui dan ia akan dikreditkan kepada akaun pelanggan.

Konsep Syariah yang digunakan dalam AB-i Jualan ialah Bai' Dayn. Bai al-Dayn merujuk kepada penjualan hutang akibat daripada transaksi perdagangan dan perkhidmatan dalam bentuk jualan bayaran tertangguh. Pelanggan menjual hutang ini kepada BMMB pada harga diskaun.

## 2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

### Ciri-ciri Produk

Kemudahan ini boleh membantu anda dalam membiayai keperluan modal kerja perniagaan / syarikat anda dengan membiayai barang-barang anda yang dieksport / dijual, dengan bayaran yang akan dibayar pada tarikh matang. Ini boleh membantu untuk meningkatkan aliran tunai perniagaan / syarikat anda.

Had kemudahan adalah berdasarkan kepada keperluan pelanggan dan tertakluk kepada penilaian kredit oleh BMMB. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada semakan tahunan. Butiran tanggungan dan syarat-syarat yang akan dinyatakan dalam surat tawaran dan / atau perjanjian pembiayaan. Tempoh pembiayaan jangka adalah berdasarkan keperluan pelanggan dan kredibiliti.

### Tanggungjawab

Perniagaan/Syarikat anda akan perlu membuat bayaran nilai penuh daripada jumlah pembiayaan seperti yang dinyatakan dalam Bai' Al-Dayn Kontrak Nota pada tarikh matang dengan fi dan caj seperti yang terdapat dalam Kewangan Perdagangan yang berkaitan.

### Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar kewajipan anda dengan sewajarnya untuk mengelakkan sebarang kesukaran dalam urusan niaga pada masa akan datang. Hubungi kami sekiranya timbul sebarang pertikaian.



**Segera hubungi kami** jika anda mengalami sebarang isu dalam menggunakan produk ini.

Fi & Caj	Amaun
Duti Setem	Mengikut Akta Setem 1949 (Semakan 1989), tertakluk kepada apa-apa pengecualian duti setem atau arahan peremitan.
Lain-lain - Pembentangan Dokumen Secara Langsung - Pengendalian - Cable / SWIFT	Rujuk kepada laman sesawang BMMB <a href="#">Pembiayaan Dagangan - Bank Muamalat Malaysia Berhad</a> untuk maklumat mengenai komisen, caj pengendalian, dan caj lain yang berkenaan.
Caj lewat bayar	1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.

- Sila rujuk laman sesawang kami di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- Sila berurusan dengan Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan bayaran standard BMMB untuk produk dan perkhidmatan pembiayaan perdagangan. Pihak Bank akan memberitahu pelanggan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada yuran dan caj yang berkaitan dengan pembiayaan pelanggan.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

### 3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

- a) Ta'widh (Caj ganti rugi) tidak boleh dikompaunkan ke atas jumlah ansuran tertunggak atau jumlah baki prinsipal tertunggak.
- b) Hak untuk tolak-selesai: BMMB berhak untuk menolak-selesai sebarang jumlah tertunggak dalam akaun pembiayaan ini daripada mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang diselenggara dengan BMMB. BMMB akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu.

### 4 TERMA UTAMA LAIN

- a) Perlindungan insurans/takaful untuk produk ini adalah pilihan pelanggan tetapi digalakkan untuk mempertimbangkan pengambilan perlindungan Takaful yang sesuai untuk barangan/dagangan anda.
- b) AB-i Jualan yang ditawarkan kepada anda adalah pada kadar tetap. Sekiranya terdapat pengurangan dalam Kadar Pembiayaan Asas, anda tidak akan dapat menikmati setiap pengurangan kadar pembiayaan semasa anda.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Bil Terima-i Jualan, anda boleh:



Hubungi kami di:  
03-26005500



Layari kami di:  
[Bil Terima-i Jualan \(AB-i Jualan\)](#)



E-mel kami melalui:  
[feedback@muamalat.com.my](mailto:feedback@muamalat.com.my)

#### Perakuan Pelanggan\*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui BMMB telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

*\*Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

\_\_\_\_\_  
Nama:  
Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **1 Januari 2026**